

Pembangkang turut hargai Tun Dr Mahathir

Oleh Veena Rusli
dan Badrila Jamlus

BH 4/11/03

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat semalam sebulat suara meluluskan usul rakaman penghargaan dan terima kasih daripada rakyat Malaysia kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Usul itu dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada kira-kira jam 11 pagi dan dibahaskan lapan Ahli Parlimen merangkumi wakil parti komponen Barisan Nasional (BN), pembangkang dan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC).

Lapan ahli Dewan termasuk dua pembangkang yang membahas usul terima kasih itu, menyifatkan sumbangan bekas Perdana Menteri ke atas rakyat Malaysia tidak ternilai tingginya.

Wakil Pas dan DAP turut mengiktiraf sumbangan Perdana Menteri Keempat itu dalam membawa kemajuan serta kesejahteraan kepada rakyat dan negara ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata Dr Mahathir sentiasa prihatin dan peka dengan masalah yang dihadapi masyarakat Cina di samping sudi membantu bagi menyelesaikannya dengan baik.

"Bagi pihak masyarakat Cina, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas segala bantuan dan kerjasama yang diberi kepada masyarakat Cina di Malaysia selama ini," katanya.

Sambil menyatakan sokongan MCA terhadap Abdullah, Ong berkata parti itu yakin Malaysia akan terus maju kerana diterajui pemimpin yang berpengalaman, bijaksana, berprinsip, adil, peka, berpancangan jauh dan berjiwa rakyat.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, Dr Mahathir banyak menyumbang idea dan inisiatif dalam membawa Malaysia daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada berasaskan industri pada pertengahan 1980-an.

Di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, katanya, Malaysia menikmati pembangunan ekonomi yang mantap dan kestabilan politik selain terus memastikan BN memerintah negara ini.

Samy Vellu berkata, Dr Maha-

thir adalah pemimpin serba boleh selaku doktor, arkitek, jurutera, artis, pakar niaga dan penceramah selain guru, pemikir, perancang serta pelaksana dan negarawan terulung.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata Dr Mahathir banyak membawa pembangunan ke Sarawak bagi membolehkan negeri itu mempelbagai sumber ekonominya.

"Ketika Dr Mahathir mula menjadi Perdana Menteri, ekonomi Sarawak amat mundur dan hanya bergantung kepada minyak.

"Bagaimanapun, dasar ekonomi yang baik membolehkan Sarawak bertukar menjadi negeri maju, malah jauh berbeza dengan keadaan 20 tahun lalu," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata jasa Dr Mahathir bukan setakat dihargai oleh rakyat Malaysia tetapi turut melangkaui masyarakat antarabangsa.

"Di bawah pimpinan beliau, Jalur Gemilang kini berkibar di Antartika dan puncak Gunung Everest," katanya.

Presiden Parti Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Tan Sri Bernard Dompok berkata, dalam tempoh 22 tahun

memimpin negara, Dr Mahathir melaksanakan dasar pembangunan yang mewujudkan pembangunan fizikal dan kemudahan awam sehingga menjadi teladan di negara membangun.

Beliau berkata, rakyat Malaysia melihat sendiri kemudahan bertaraf dunia seperti jalan raya, hospital, sekolah, bangunan tinggi dan lapangan terbang yang melicinkan kehidupan harian.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir mempunyai idea bernas mengenai kaedah menguruskan ekonomi negara dan golongan Bumiputera serta bukan Bumiputera mendapat banyak manfaat.

Naib Presiden Pas, Datuk Dr Hassan Mohd Ali berkata, kemampuan Dr Mahathir menguasai pelbagai ilmu dengan baik membuktikan bahawa setiap insan boleh mempelajari dan menguasai ilmu jika mempunyai kemahuan dan sikap dedikasi.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar berkata, sikap dedikasi tinggi yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir perlu diteliti dan seterusnya diwarisi oleh setiap rakyat Malaysia.

Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw, berkata sifat Dr Mahathir yang selalu berterus terang

adalah kekuatan perwatakannya selama menerajui negara sebagai Perdana Menteri.

"Itu jugalah kelemahannya, dari (buku) *The Malay Dilemma* hingga komen beliau terhadap Yahudi di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 baru-baru ini kerana ada kalanya, kata-kata beliau menjengkelkan orang.

"YB Kubang Pasu tidak melupakan kawannya dan tidak menyenangi lawannya," katanya.

Wakil BBC yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad berkata, Yayasan Kepemimpinan Malaysia wajar ditubuhkan dalam tempoh pimpinan Abdullah.

Beliau berkata, yayasan itu kelak akan berfungsi menaja, merangsang dan menggalakkan sarjana, ilmuwan, intelektual dan pemimpin pelbagai sektor serta pengkhususan termasuk keagamaan, siasah dan korporat dari seluruh dunia.

"Yayasan ini boleh mengkaji falsafah Perdana Menteri Malaysia dari zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn sehinggalah ke zaman Dr Mahathir dalam konteks dunia masa kini yang penuh cabaran," katanya.